

DASAR LUAR ERA MAHATHIR

DASAR LUAR ERA MAHATHIR

CHAMIL WARIYA



PETALING JAYA
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
3, Jalan 13/3, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1989
Pertama kali diterbitkan 1989
Cetakan kedua 1989
ISBN 967 65 0912 4

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk
atau dengan sebarang cara, baik dengan cara
elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

327.575
C 112
522867

Dicetak di Malaysia oleh
Vinlin Press Sdn. Bhd., Kuala Lumpur

18 MAR 1990
Perpustakaan Negara
Malaysia

PENDAHULUAN

MALAYSIA di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memainkan peranan yang jauh lebih aktif dalam hal-ehwal antarabangsa berbanding dengan pemimpin-pemimpin negara sebelum ini. Falsafah, gaya, pegangan Dr. Mahathir dalam hubungannya dengan negara-negara luar berbeza dengan pemimpin yang terdahulu. Oleh kerana Malaysia sebuah negara kecil dan bukan sebuah kuasa tentera, pemimpin-pemimpin sebelum ini telah memainkan peranan yang sesuai dengan saiznya. Dr. Mahathir berbeza. Kekecilan Malaysia dari segi saiz tidak menghalang beliau untuk mengemukakan gagasan besar mengenai politik antarabangsa, atau menelanjangi kepura-puraan kuasa besar – Barat dan Timur serta mempertahankan kepentingan dunia ketiga dengan mendedahkan hipokrasi negara-negara maju. Beliau tidak takut untuk menyatakan pandangannya secara berterus terang, walaupun kenyataan yang dibuat itu adakalanya mencabar *status quo* atau mencemuh tindak-tanduk negara-negara yang lebih *superior*.

Kerana keberaniannya itu, di kalangan negara-negara sedang membangun, beliau diiktiraf sebagai jurucakap dan pemimpin mereka. Beliau mengisi kekosongan pimpinan dalam forum-forum antarabangsa selepas berundurinya tokoh-tokoh seperti Nyerere, Kaunda, Sukarno, Nehru, Tito, Nasser dan beberapa yang lain. Selepas pemimpin-pemimpin ini lesap dari skenario politik antarabangsa sebagai jurucakap negara-negara yang baru merdeka, sama ada kerana mereka gagal mempertahankan kuasa dalam politik dalam negeri masing-masing, atau kerana sudah meninggal dunia, wujud kekosongan dari segi mengartikulasi pandangan dunia ketiga tentang ketidakadilan dalam pentas antarabangsa. Satu waktu dulu, terutama di tahun-tahun 1960-an,

PERANAN DASAR LUAR SEPINTAS LALU

MALAYSIA mula mengambil alih tanggungjawab menjaga hal-ehwal luarnya sebaik sahaja ia merdeka dari jajahan Inggeris pada 31 Ogos 1957. Sebelum itu, urusan luar negeri adalah kewajipan London. Sebagai sebuah negara yang dijajah, Malaysia tidak diberi kebebasan dan hak untuk mengendalikan dasar luarnya sendiri. Ini bermakna dalam interaksi dengan negara-negara lain di dunia ini, jurucakap yang mewakili Malaysia bukan terdiri daripada pemimpin-pemimpin watannya, tetapi diplomat-diplomat Inggeris. Merekalah yang memelihara dan menjaga kepentingan kita di forum-forum antarabangsa.

Bagaimanapun keadaan itu berubah apabila kita muncul sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Tugas mengendalikan hal-ehwal luar dikembalikan kepada pemimpin yang memegang teraju pemerintahan. Perdana menteri biasanya memainkan peranan yang penting dan berpengaruh dalam menentukan halacara dasar luar yang diuruskan secara profesional oleh diplomat-diplomat terlatih di Kementerian Luar Negeri atau dikenali sebagai Wisma Putra. Kementerian ini, seperti halnya dengan kementerian-kementerian yang lain, diketuai oleh seorang menteri yang menganggotai kabinet. Menteri berkenaan dilantik oleh perdana menteri. Malah ada ketikanya perdana menteri sendiri menjadi menteri luar seperti halnya di zaman Tunku Abdul Rahman dulu.

Mengapa Malaysia perlu mempunyai dasar luar? Malah apa sebenarnya yang dimaksudkan sebagai dasar luar itu? Dan apa pula perbezaannya dengan dasar dalam negeri? Bagaimana dasar luar ditentukan dan diputuskan? Siapa yang bertanggungjawab menggubalnya? Apakah pula faktor-faktor yang